

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Manfaat Servis Pembayaran 'Beli Dulu Bayar Kemudian' Kepada Usahawan Digital

Ilyani Azer¹, Siti Aishah Mohamad²

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Pahang.

*Koresponden: ilyani_azer@uitm.edu.my


Penularan virus COVID 19 telah mengakibatkan kelembapan ekonomi. Namun, ramai usahawan melihat ini sebagai satu peluang untuk meneroka alternatif penjualan yang baharu. Sejajar dengan perubahan teknologi yang semakin canggih, corak perbelanjaan pengguna juga telah berubah. Antara perubahan ketara dalam tren pembelian rakyat Malaysia adalah pembelian secara atas talian. Kaedah pembelian ini telah menjadi satu norma baru kerana ia dapat memenuhi keperluan dan perubahan gaya hidup pengguna akibat pandemik. Selain itu, penerimaan barangan dapat dipercepatkan, sekaligus meningkatkan penggunaan digitalisasi dalam sektor peruncitan. Sistem jual beli di atas talian atau e-dagang menawarkan harga lebih kompetitif berbanding secara fizikal dan mampu menarik perhatian ramai pengguna. Teknik pemasaran dan jualan secara konvensional tidak lagi menjadi pilihan usahawan kerana mengikut arus perubahan gaya hidup pelanggan yang bertukar kepada platform e-dagang. Pendapatan lumayan boleh dipacu oleh usahawan dengan memanfaatkan sepenuhnya platform e-dagang yang ada di pasaran. Antara platform e-dagang yang terkenal dan mendapat perhatian yang tinggi dari pengguna ialah Lazada, Shopee, Mudah.my, Taobao, Carousell, eBay dan Amazon.com.

Dalam usaha menarik lebih ramai pelanggan, platform e-dagang telah menawarkan satu sistem pembayaran digital baru dikenali sebagai 'Buy Now, Pay Later' (BNPL)/(Beli Dulu, Bayar Kemudian). Terdapat lapan BNPL platform di Malaysia iaitu Atome, FavePay Later, myIOU, Hoolah, PAYLATER, PayLater oleh Grab, SPayLater oleh Shopee dan Split. Kebanyakan aplikasi BNPL ini telah bekerjasama dengan pelbagai usahawan dan platform e-dagang untuk memenuhi keperluan dan citarasa pengguna. Akses kepada pangkalan pengguna e-dagang yang luas juga boleh dinikmati oleh usahawan untuk mempromosikan produk secara besar-besaran. Dengan ini, jenama produk usahawan akan lebih dikenali oleh pengguna. Platform ini telah mengolah semula cara generasi baru menggunakan kredit untuk menggantikan kebergantungan kepada kad kredit. Kaedah pembayaran BNPL akan menarik ramai pengguna kerana ia mudah dan fleksibel. Pembayaran akan dibuat secara automatik setiap bulan, tanpa sebarang bayaran tambahan untuk pembayaran yang menepati waktu. Pelanggan juga akan menikmati pulangan tunai sehingga 10% dengan setiap pembelian mereka.

Lantaran itu, aplikasi BNPL dapat menambah variasi pilihan pembayaran kepada pengguna serta membantu usahawan atas talian untuk menjana pendapatan. Platform BNPL boleh dimanfaatkan oleh usahawan untuk memulihkan perniagaan yang terjejas akibat wabak COVID 19 bagi menetapkan halatuju yang lebih baik untuk pertumbuhan di masa hadapan. Aplikasi ini membolehkan penerimaan pembayaran tanpa tunai dengan cara yang selamat dan teratur ke akaun usahawan. Kemudahan kredit yang tinggi sehingga RM6000 telah diberi oleh SPayLater juga boleh digunakan oleh usahawan kecil lain bagi pembelian inventori dan bahan mentah untuk menjalankan perniagaan. Dalam pada itu, BNPL juga membantu usahawan muslim untuk mempromosikan produk serta servis mereka dengan memperkenalkan iBNPL. Aplikasi ini akan mendorong pengguna untuk mencari produk dan perkhidmatan yang halal dan patuh Syariah dengan kemunculan PayHalal oleh Atome. Transaksi PayHalal adalah bebas dari unsur riba dan gharar yang memberikan perlindungan kepada pengguna muslim apabila mereka membeli-belah secara atas talian. Kesimpulannya, rentetan dari penularan wabak COVID 19 telah membuka peluang perniagaan yang lebih baik kepada usahawan digital dengan memanfaatkan sepenuhnya platform e-dagang dan BNPL bagi menjana lebih banyak pendapatan pada masa akan datang.

Rujukan

- [1] Effendi et al. "Pengaruh Promosi Penjualan, Electronic Word of Mouth Dan Hedonic Shopping Motivation Terhadap Pembelian Impulsif Pada Aplikasi Shopee." Jurnal Akuntansi dan Manajemen, Vol. 17 No. 02. pp 22-31 Oktober 2020
- [2] <https://www.directlending.com.my/blog/buy-now-pay-later-bnpl-malaysia>
- [3] <https://suamerdeka.com.my/fave-lancar-beli-sekarang-bayar-kemudian-bnpl-di-singapura-dan-malaysia/>
- [4] <https://vulcanpost.com/777248/buy-now-pay-later-bnpl-services-malaysia-compere/>
- [5] <https://www.digitalnewsasia.com/business/payhalal-atome-offer-islamic-buy-now-pay-later-feature>
- [6] <https://www.imoney.my/articles/tips-buynowpaylater>
- [7] <https://www.malaysianow.com/berita/2021/12/20/kos-dan-faedah-skim-beli-sekarang-bayar-kemudian/>
- [8] <https://www.ocbcnisp.com/id/article/2021/07/23/impulsi-ve-buying>



Antara Platform BNPL di Malaysia

Sumber : <https://www.directlending.com.my/blog/buy-now-pay-later-bnpl-malaysia>